



UUM

Universiti Utara Malaysia 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000

"KEDAH SEJAHTERA"

BEND20120524-KB1426

24 Mei 2012

PEKELILING BENDAHARI BIL 6/2012

Semua Penolong Naib Canselor/Ketua Jabatan/Pengarah
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan

PEMBAYARAN ELAUN PELAJAR IPTA YANG MENGIKUTI LATIHAN AMALI DI AGENSI KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-78 (Bil.2/2012) pada 13 Mac 2012 telah bersetuju meluluskan cadangan menerima pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia berkaitan **Elaun Bagi Pelajar Institut Pengajian Tinggi Yang Mengikuti Latihan Amali Di Agensi Kerajaan** dimana kadar elaun yang dibayar adalah sebanyak RM15 sehari tertakluk kepada beberapa syarat.

Sehubungan dengan itu Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelajar yang menjalani latihan amali mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- a. Pelajar terdiri dari warganegara Malaysia sahaja;
- b. Pelajar adalah meliputi pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negara;
- c. Pelajar tidak boleh diambil untuk mengisi jawatan kosong, jawatan kenaikan pangkat atau untuk melaksanakan tugas pegawai tetap;
- d. Ketua Jabatan hendaklah menyediakan senarai tugas, jadual tugas dan sasaran kerja;
- e. Waktu latihan amali pelajar adalah menyamai waktu bekerja pegawai awam;
- f. Pelajar tidak layak mendapat apa apa elaun, kemudahan cuti, rawatan perubatan dan kemudahan lain yang layak diterima oleh pegawai awam;




- g. Pelajar boleh dibenarkan bercuti dengan kebenaran tanpa dibayar sebarang elaun;
- h. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelajar tidak menandatangani surat rasmi jabatan dan tidak menjalankan tugas yang melibatkan maklumat terperingkat;
- i. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelajar menandatangani perakuan berkenaan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972;
- j. Ketua Jabatan perlu memastikan perbelanjaan bagi tugas ini mengguna pakai peruntukan sedia ada agensi kerajaan yang terlibat;
- k. Kadar pembayaran elaun adalah sebanyak RM15 sehari berdasarkan tempoh praktikal/ amali yang ditetapkan dengan syarat latihan praktikal/ amali tersebut adalah merupakan salah satu syarat untuk pelajar menamatkan pengajian dengan jayanya;
- l. Pelajar tidak layak dibayar bayaran lebih masa;
- m. Pelajar akan menerima bayaran elaun mengikut hari bekerja sahaja tidak termasuk hari cuti awam/ umum/ hujung minggu; dan

Sekian, terima kasih.

“ILMU BUDI BAKTI”

Saya yang menurut perintah


HJ AMRON MAN
Bendahari
Universiti Utara Malaysia

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Edaran